

LAMPIRAN A

SYARAT-SYARAT PENGOPERASIAN GERAJ TUAH VCF 17 (MAC 2022)

BAHAGIAN A : SYARAT-SYARAT AM

1. Penyewa perlu menghantar Borang Permohonan Sewaan Tapak TUAH VCF 17 (Mac 2022) Universiti Teknikal Malaysia Melaka kepada urusetia seperti tarikh yang telah dinyatakan di dalam iklan.
2. Bagi **penyewa gerai bunga dan food truck**, penyewa dikehendaki untuk menghantar Borang Permohonan Sewaan Tapak TUAH VCF 17 (Mac 2022) Universiti Teknikal Malaysia Melaka beserta bukti pembayaran dan salinan pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) kepada Pejabat HEP.
3. Pemilihan penyewa bagi gerai bunga dan *food truck* adalah berdasarkan kepada *first come first serve basis*.
4. Bagi **penyewa gerai foto**, pemohon dikehendaki untuk menghantar Borang Permohonan Sewaan Tapak TUAH VCF 17 (Mac 2022) Universiti Teknikal Malaysia Melaka beserta salinan pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), profil syarikat, harga pakej yang ditawarkan dan contoh gambar konvokesyen bersaiz 11R untuk dinilai. Pejabat HEP akan memaklumkan kepada pemohon yang berjaya bagi proses pembayaran sewaan tapak.
5. Kawasan pengoperasian / jualan adalah di dalam kawasan khemah / *food truck* sahaja. Penyewa adalah dilarang untuk beroperasi di luar kawasan khemah / *food truck* yang telah ditetapkan.
6. Penyewa dikehendaki untuk beroperasi di tapak gerai TUAH VCF 17 (Mac 2022) pada tarikh 14 – 17 Mac 2022 dari jam 7.00 pagi sehingga 7.00 petang. Walaubagaimanapun, penyewa boleh mula memasuki ke tapak gerai sehari lebih awal tertakluk kepada kebenaran daripada Pejabat HEP bagi tujuan persediaan gerai.
7. Keselamatan barang-barang perniagaan di kawasan gerai adalah di bawah tanggungjawab penyewa sepenuhnya.
8. Penyewa mestilah mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Pejabat HEP dari semasa ke semasa.
9. Penyewa adalah tertakluk kepada peraturan Universiti sepanjang berlangsungnya TUAH VCF 17 (Mac 2022). Pejabat HEP tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang bentuk penipuan yang berlaku.

10. Penyewa yang menarik diri selepas menandatangani Borang Permohonan Sewaan Tapak TUAH VCF 17 (Mac 2022) Universiti Teknikal Malaysia Melaka, wang sewaan mereka tidak akan dikembalikan.
11. Barangan yang dijual oleh penyewa hendaklah barangan dalam akta undang-undang. Barangan curi mahupun barangan merbahaya tidak dibenarkan sama sekali. Jika tertangkap pihak Pejabat HEP berhak membatalkan tapak dan wang tidak akan dikembalikan.

BAHAGIAN B : TEKNIKAL DAN LOGISTIK

12. Penyewa boleh menyewa lebih daripada satu gerai tetapi keputusan muktamad ditentukan oleh pihak Pejabat HEP di bawah Biro Gerai dan Pameran TUAH VCF 17 (Mac 2022).
13. Pejabat HEP berhak sepenuhnya menyusun kedudukan gerai mengikut kesesuaian strategi pemasaran.
14. Penyewa dikehendaki sentiasa menjaga kebersihan di dalam dan sekitar kawasan gerai / *food truck* masing-masing dan dilarang mengubah / merosakkan kemudahan peralatan yang disewa.
15. Selain daripada peralatan elektrik yang dibekalkan Pejabat HEP, pemasangan peralatan lain hendaklah mendapatkan kebenaran daripada Pejabat HEP.
16. Keperluan lain yang dikehendaki oleh penyewa boleh dipohon dan Pejabat HEP berhak memenuhi atau tidak serta caj tambahan boleh dikenakan.
17. Penggunaan pembesar suara dan lain-lain alatan yang mengeluarkan bunyi hendaklah dengan kebenaran Pejabat HEP.

BAHAGIAN C : ETIKA

18. Penyewa dilarang membuat provokasi sehingga mencetuskan rasa kurang senang penyewa lain.
19. Penyewa hendaklah turut serta dalam program-program bagi tujuan promosi dan seumpamanya. Penyewa digalakkan untuk menghias dan mencerikan gerai masing-masing.
20. Penyewa adalah diarahkan untuk membawa keluar sendiri sebarang sisa-sisa makanan (sampah) keluar daripada tapak gerai TUAH VCF 17 (Mac 2022) pada setiap hari selepas operasi perniagaan, sepanjang program berlangsung.

BAHAGIAN D : STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)

21. Penyewa perlu memastikan kesemua pekerja telah lengkap dua (2) dos Vaksin Covid-19 dan telah tamat tempoh matang.
22. Penyewa perlu memastikan kesemua pekerja memakai pelindungan yang sewajarnya seperti memakai penutup muka sepanjang masa sewaktu berada di kawasan Kampus UTeM.

23. Penyewa perlu memaparkan kod QR MySejahtera di khemah / *food truck* masing-masing dan memastikan pelanggan mengimbas kod QR tersebut sewaktu berkunjung ke khemah / Food Truck.
24. Penyewa perlu memastikan penjarakan sosial di antara pelanggan-pelanggan yang sedang menunggu untuk membeli di gerai / *food truck* masing-masing.

SEBARANG PERSOALAN BOLEH MENGHUBUNGI PEGAWAI BERTUGAS
ENCIK FAIRUL HAZIQ BIN MOHD ARIS DI TALIAN 06-270 1355
ATAU EMELKAN KEPADA fairul.haziq@utem.edu.my